

# Kajian semula kurikulum UMS perkasa kebolehpasaran graduan

DE 8.2.2019 3

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan memberikan penekanan kepada tiga aspek utama dalam kajian semula kurikulum untuk memperkasa kebolehpasaran graduan universiti itu, kata Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UMS Prof Dr Rasid Mail.

Beliau berkata tiga aspek itu meliputi penambahbaikan kandungan program yang ditawarkan, menambah baik sistem penyampaian pengajaran dan pembelajaran serta meningkatkan kemudahan infrastruktur.

"Kandungan program-program akademik dikaji secara terperinci untuk memastikan segala penambahbaikan yang dilaksana seiring dengan perkembangan industri semasa ke arah

Revolusi Industri (IR) 4.0. Ia juga untuk memastikan kurikulum tersedia masa hadapan ditawarkan dalam semua program pengajian di UMS," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Khamis.

Pensyarah Program Perakaunan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) itu berkata pensyarah juga disaran agar menjadi lebih kreatif dan mempunyai kemahiran pedagogi yang berkesan dalam sistem penyampaian kuliah.

Katanya, kaedah konvensional pengajaran dan pembelajaran akan digantikan dengan pendekatan fleksibel dan berdasarkan teknologi, sesuai dengan perubahan demografi para mahasiswa selain pembelajaran teradun turut

dijadikan sebagai salah satu pendekatan wajib seiring dengan perkembangan teknologi digital.

Rasid berkata sesi pengajaran dan pembelajaran bukan hanya berlaku dalam bilik kuliah tetapi juga secara dalam talian. Ia juga merangkumi aspek penilaian, penaksiran dan permarkahan yang berasaskan hasil pembelajaran.

Jelasnya, kurikulum baharu itu bermatlamat untuk mengurangkan bebanan jam kredit dengan penstrukturkan semula pembelajaran yang lebih interaktif, praktikal dan menumpu kepada keperluan industri.

"Sistem 3Ui dan 2Ui akan mula diperkenalkan secara berperingkat iaitu para pelajar peringkat sarjana muda

mengikuti pengajian tiga atau dua tahun di universiti dan kemudiannya setahun di industri," katanya.

Selain itu, dalam usaha meningkatkan kemudahan infrastruktur, enam bilik kelas pintar dijangka siap dibina menjelang akhir tahun ini.

Beliau berkata apabila siap nanti, UMS akan mempunyai sembilan kelas pintar selain pewujudan pusat-pusat pembelajaran di setiap fakulti, pusat dan institut dengan prasarana yang serba lengkap.

"Buat masa ini kita sudah mempunyai tiga kelas pintar iaitu masing-masing di kampus utama Kota Kinabalu, kampus antarabangsa Labuan dan di Fakulti Pertanian Lestari, Sandakan," katanya. – Bernama